

# Pusat Sehenti Perkhidmatan Awam & Swasta UTC Bakal Dibuka 1 Jun Ini - Mohd Ali



Oleh AZHAR YUSOF

**BANDAR RAYA MELAKA**, 20 Mei - Bangunan Wisma Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) setinggi sembilan tingkat di Jalan Tan Chay Yan, di sini akan dijadikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang akan beroperasi mulai 1 Jun ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, kerja mengubahsuaikan bangunan itu kini mencapai 80 peratus siap membolehkan peruntukan RM13.8 juta dengan menyediakan 60 organisasi perkhidmatan.

"Pembukaan UTC ini merupakan yang pertama di Malaysia seiring dengan Program Transformasi Kerajaan (GTG) yang bakal dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 23 Jun depan.



Kerja-kerja pengubahsuaian bangunan rancak dilaksanakan


"Projek inisiatif Kementerian Kewangan di bawah Strategi Laut Biru Negara itu diwujudkan sebagai pusat sehenti bagi semua perkhidmatan awam dan swasta dalam menangani masalah atau isu yang dihadapi masyarakat melalui perkhidmatan berpusat.

"Pusat ini bakal menjadi ikon terbaik pada masa depan kerana menempatkan sepuluh kluster perkhidmatan iaitu perkhid-

matan kerajaan kesihatan, perbankan dan kewangan.

"Selain pendidikan dan latihan, utiliti, keselamatan, kebajikan, pembangunan usahawan dan ruang niaga, pembangunan belia dan perkhidmatan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Mohd Ali berkata demikian pada sidang media selepas melakukan lawatan melihat kerja mengubahsuaikan bangunan Wisma DMDI oleh syarikat Terbit Serba Boleh Sdn. Bhd.



Mohd Ali mendengar penerangan mengenai pengubahsuaian bangunan dari Kian Lip

(TSBSB), di sini petang kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Yayasan DMDI, Mashitah Ismail dan Pengarah Urusan TSBSB, Tee Kian Lip.

Kerja mengubahsuaikan bangunan itu dijangka siap sepenuhnya pada 31 Mei ini sejak ia dimulakan pada 6 April lalu dan bakal dibayar sewa oleh Kementerian Kewangan kepada Yayasan Melaka (YM).

Mengulas lanjut, Mohd

Ali memberitahu, sempena pelancaran UTC pertama itu juga pihaknya merancang mengadakan karnival selama dua hari bagi meraikan transformasi kawasan itu dengan menasarkannya seramai 100,000 pengunjung yang hadir.


"Bangunan meletak kenderaan bertingkat yang boleh memuatkan sehingga 600 kenderaan itu juga dibina bagi menambah jumlah petak yang kini hanya sebanyak 330 lot.

"Ianya sekali gus mampu menampung jumlah kedatangan pengunjung ke UTC yang dibuka dari jam 8 pagi hingga 10 malam setiap hari.

"Yang lebih istimewa, pusat ini juga bakal menempatkan Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di tingkat bawah bagi memudahkan komuniti setempat menerima rawatan dan berbelanja harian," jelasnya.

Beliau berkata, keluasan keseluruhan kawasan UTC membabitkan 1.2 hektar itu turut merangkumi kawasan perniagaan baru yang bakal diwujudkan bagi menyediakan ruang peniaga kecil dan sederhana menambah pendapatan.

"Peniaga berpeluang menjalankan perniagaan mereka berhampiran kawasan ini supaya suasana di sini menjadi lebih menarik dengan pelbagai aktiviti dijalankan dan menerima ribuan pengunjung setiap hari," jelasnya.



Mohd Ali melihat kerja-kerja pengubahsuaian bangunan Wisma DMDI



Bilik mesyuarat yang luas dan selesa turut disediakan



UTC dijadikan pusat perkhidmatan berpusat



Mohd Ali menunjukkan Pusat Sehenti Perkhidmatan awam dan swasta